



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
Ibu Pejabat MARA
21, Jalan MARA
50609 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Tel : 603-2613 2000
Faks : 03-2691 3620
Laman Web : www.mara.gov.my



SURAT TAWARAN MRSM

DAYMIEADANESSA MIN JIMMY
SK BATU KELING
SUNGAI ASAP
96950 BELAGA
SARAWAK

No. Akaun Nominal : 00111820272204
No. Akaun Pelajar : 332021068207
No. Maktab : SM221072
Tarikh : 09/03/2022

Tuan,

TAWARAN KEMASUKAN KE TINGKATAN 1 MAKTAB RENDAH SAINS MARA TAHUN 2022

NAMA PELAJAR : DAYMIEADANESSA MIN JIMMY
NO K/P PELAJAR : 091207130432

Sukacita dimaklumkan bahawa anda ditawarkan ke Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) seperti ketetapan berikut:

Nama Program : PROGRAM PREMIER
Nama MRSM : MRSM MUKAH, SARAWAK
Tarikh Pendaftaran : 11-Apr-2022
Masa : 8.30 pagi

2. Tawaran ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh MARA serta kesahihan maklumat borang permohonan. Pihak MARA berhak menarik balik tawaran sekiranya didapati maklumat dan dokumen yang diberikan adalah PALSU. Tawaran ini akan terbatal sekiranya:
 - i. Anda didapati tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan; atau
 - ii. Anda tidak bersetuju ditempatkan di MRSM yang ditawarkan; atau
 - iii. Anda didapati tidak melaporkan diri ke MRSM yang ditawarkan pada tarikh yang telah ditetapkan kecuali mendapat kelulusan daripada pihak MRSM; atau
 - iv. Anda tidak mengemukakan Borang Pemeriksaan Kesihatan semasa Hari Pendaftaran (sila rujuk Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu); atau
 - v. Anda tidak mengemukakan slip gaji / penyata pendapatan/ Borang Pengesahan Pendapatan yang telah disahkan pada Hari Pendaftaran.
3. Pelajar yang ditawarkan ke MRSM mesti mendaftar di MRSM yang ditetapkan dan kekal di MRSM berkenaan hingga tamat pengajian. **Keputusan tawaran adalah muktamad. Pertukaran penempatan MRSM tidak akan dilayan.**
4. Pelajar mestilah mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh pihak MARA dan akur kepada hukuman yang sesuai dan wajar sekiranya terbukti melanggar disiplin berkennaan. Sila tandatangan akuanji yang disertakan.

Untuk maklumat lanjut sebelum mendaftar di MRSM yang ditawarkan, sila rujuk Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu dan Borang-borang Pendaftaran.

Sekian, terima kasih.

'WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

'LUAR BANDAR SEJAHTERA'

'Saya yang menjalankan amanah'

Pengarah

Bahagian Pendidikan Menengah

b.p Ketua Pengarah

MARA

Surat ini adalah cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan

ARAHAN SEMASA MENDAFTAR KE MRSM TAHUN 2022

Pelajar dan ibu bapa atau penjaga dikehendaki mengambil tindakan seperti berikut:

1. Pelajar **wajib** memakai pelitup muka sepanjang masa semasa pendaftaran, pakaian seragam sekolah yang lengkap dan kemas serta mematuhi penjarakan fizikal pada Hari Pendaftaran.
2. Ibu bapa atau penjaga **wajib** memakai pelitup muka sepanjang masa semasa pendaftaran.
3. Ibu bapa atau penjaga bertanggungjawab bagi memastikan pelajar yang dihantar ke MRSM bebas jangkitan Covid-19 dan tidak bergejala termasuk ibu bapa/penjaga yang menghantar anak masing-masing.
4. Membaca dengan teliti dan mematuhi SOP pendaftaran pelajar yang dikeluarkan oleh MRSM.
5. Hanya ibu bapa atau penjaga yang telah lengkap vaksinasi seperti yang tertera dalam sijil vaksinasi MySejahtera dibenarkan menghantar pelajar ke kawasan maktab untuk tujuan pendaftaran. Waris yang tidak lengkap vaksinasi hanya dibenarkan *drop-off* pelajar di pintu pagar maktab.
6. Ibu bapa atau penjaga **dikehendaki membuat ujian kendiri menggunakan Kit Ujian Kendiri Covid-19 satu jam sebelum pendaftaran.**
7. Hanya 3 orang dibenarkan untuk menghantar pelajar semasa Hari Pendaftaran iaitu ibu bapa atau penjaga dan pelajar sahaja.
8. Pelajar mesti mengisi dan menyerahkan :
 - Borang Deklarasi Kesihatan (Covid-19) (Lampiran 2) sebelum masuk ke maktab.
9. Pelajar **diwajibkan** membawa:
 - i. Surat tawaran MRSM Tingkatan 1 tahun 2022
 - ii. Salinan Kad Pengenalan pelajar
 - iii. Salinan slip gaji bapa/ penjaga terkini atau borang pengesahan pendapatan bapa/ penjaga (jika tiada slip gaji/ bekerja sendiri/ suri rumah/ lain-lain) **terkini yang telah disahkan.**
 - iv. Salinan slip gaji ibu/ penjaga terkini atau borang pengesahan pendapatan ibu/ penjaga (jika tiada slip gaji/ bekerja sendiri/ suri rumah/ lain-lain) **terkini yang telah disahkan.**
 - v. Dokumen pendaftaran
(Sila rujuk lampiran A: senarai semak dan borang pendaftaran MRSM)
10. Ibu bapa atau penjaga **dikehendaki** memastikan pelajar membawa bersama kad pengenalan dan surat tawaran MRSM ketika menghadiri pendaftaran bagi mengelakkan sebarang masalah ketika proses pendaftaran dijalankan.
11. Waris/Ahli keluarga tidak dibenarkan berlegar-legar dalam kawasan maktab dan dikehendaki mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh MRSM dari semasa ke semasa.